

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 04 NOVEMBER 2013 (ISNIN)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	ASM wujudkan kajian mega sains	Utusan Malaysia
2.	Berbicara di angkasa	Berita Harian
3.	Biodiversity integral to reducing poverty	New Straits Times
4.	PRK Sungai Limau: 17 pusat mengundi dibuka 8 pagi ini	Bernamea.com
5.	Ribut petir diramal petang	Utusan Malaysia
6.	Rainy season breeds trouble	The Star
7.	Good weather expected today	New Straits Times
8.	Committee to attend Lynas stockholders' meeting	The Malay Mail

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA) : MUKA SURAT 22
TARIKH : 04 NOVEMBER 2013 (ISNIN)

MegaSains

ASM wujudkan kajian mega sains

Menilai sumbangan sains kepada negara menjelang 2050

AKADEMI Sains Malaysia (ASM) mewujudkan satu kumpulan kajian yang akan melihat masa depan beberapa sektor penting berkaitan sains di negara ini menjelang 2050.

Ketua Pegawai Eksekutif ASM, Dr. Ahmad Ibrahim berkata, fasa pertama kajian mega sains itu diperkenalkan pada 2011 melibatkan bidang tenaga, air, kesihatan, pertanian dan biodiversiti yang mana laporan mengenainya telah pun di serahkan kepada kerajaan.

"Kita meneruskan kajian mega sains untuk lima sektor lagi iaitu perumahan, infrastruktur, alam sekitar, elektrik dan elektronik serta pengangkutan untuk menilai masa depannya sehingga 2050," ujarnya ketika di temui di ibu pejabat Utusan Melayu baru-baru ini.

Yang turut hadir Timbalan Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Datuk Othman Mohamad dan Pengarang Utusan Malaysia, Datuk Hassan Mohd. Noor dan beberapa pengarang lain.

Menurut Dr. Ahmad, pihaknya menyasarkan sehingga 2050 bagi menilai bagaimana bentuk cabaran,



DR. AHMAD IBRAHIM

risiko dan sumbangan sains kepada negara sepanjang tempoh tersebut.

Beliau berkata pada peringkat lima sektor terawal awal, pihaknya terpaksa menyediakan dana dalam untuk membiayai kajian tersebut.

Bagaimanapun di bawah presiden baharu Tan Sri Dr. Ahmad Tajudin Ali, ASM berpeluang memberi taklimat mengenai lima sektor berikutnya kepada Kabinet pada tahun lalu, dan hasilnya kerajaan bersetujuan menyalurkan sumbangan RM10 juta untuk tujuan tersebut.

Menurutnya lagi, kajian setiap sektor akan diketuai oleh pakar masing-masing dengan ahli kumpulannya terdiri daripada pelbagai kepakaran.

Beliau memberi contoh, kajian mengenai air menjelang dekad akan datang perlu bagi menilai sejauh mana rakyat Malaysia memanfaatkan sumber semula jadi tersebut.

"Kita dapati 75 peratus penggunaan air (di negara ini) adalah untuk tujuan pertanian, dan diperolehi secara percuma.

"(Oleh itu) apakah masa depan permintaan dan bekalan air pada masa

6 Kita dapati 75 peratus penggunaan air (di negara ini) adalah untuk tujuan pertanian, dan diperolehi secara percuma

akan datang," ujarnya.

Dalam pada itu beliau memberitahu, ASM akan mengadakan kerjasama rapat dengan media tempatan untuk terus mempromosi bidang sains di negara ini menerusi pelbagai program yang dianjurkan.

Ini termasuk melibatkan lebih ramai felo ASM untuk terlibat berkongsi kepakaran masing-masing seperti program pertukaran idea yang diadakan sebelum ini.

ASM kini mempunyai 240 felo yang merupakan pensyarah, saintis dan penyelidik khususnya dari institusi pengajian tinggi dan bekas penjawat awam yang telah bersara yang terdiri daripada pelbagai kepakaran.



DR. ABANG Abdullah Abang Ali antara yang terlibat sebagai Ketua Pasukan Petugas Kajian Megasains, mengetuai bidang perumahan -Gambar hiasan.

SAINS

» Bahagian A: Exercise For Final Exam (Year 4 & 5) • D8

BH DIDIK

Berita Harian

BAHASA MELAYU

» Penulisan (SJK): Karangan Syarahan • D10

BERITA

» 'Sesat' di Hutan

Simpan Serting Ulu • D12



Berbicara di angkasa

» Seramai 20 orang murid
SK Seri Suria, Puchong berpeluang
berkomunikasi dengan
Angkasawan Luca Parmitano
di Stesen Angkasa Lepas Antarabangsa
(ISS) menggunakan radio amatir.

Oleh Faizatul Farhana Farush Khan
ffarhana@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Jika disebut bidang sains angkasa, kebanyakan orang mempunyai kefahaman bahawa bidang itu melahirkan semata-mata ahli astronomi untuk membuat kajian berkaitan ruang angkasa lepas terutama membabitkan planet, bintang dan bulan.

Bagaimanapun, sebenarnya sains angkasa menawarkan peluang kerjaya, pencapaian

dan masa depan cukup meluas kepada individu yang menceburi bidang itu, selain dapat membantu meningkatkan tahap kemajuan negara.

Cabang kerjaya ditawarkan bidang berkenaan termasuk kejuruteraan angkasa, kejuruteraan satelit, geologi angkasa, biologi angkasa, pakar cuaca dan atmosfera serta undang-undang angkasa.

Ekoran keistimewaan dimiliki sains angkasa, kerajaan melalui Agensi Angkasa Negara yang ditubuhkan pada tahun 2002, terus berusaha mempergiatkan minat dan tarikan bidang itu kepada masyarakat, terutama golongan muda.

► Lihat muka D2

Memori cukup berharga

Murid SK Seri Suria, Puchong bergambar kenangan bersama-sama kakitangan Planetarium Negara selepas program.



DIDIK

REDAKSI

PENYERANG URUSAN KUMPULAN NSTP
Detuk Abdul Jalil Hamid

PENYERANG KUMPULAN BH
Mahfar Ali

PENYERANG EKSEKUTIF BERITA
Norhayati Md Said

PENYERANG EKSEKUTIF RENCANA
Zainor Said

PENYERANG EKSEKUTIF PENYULIHAN
Radrulhisham Othman

PENYERANG PENYERANG
Fadzana Jafar

PENYERANG BERITA PENYERANG
Ridzuan Yop

PENYERANG BERITA
Feroz Abu Bakar

PENYERANG BERITA
Syuhada Choo Abdullah

PENYERANG KETUA PENYERANG
Murrahim Ibrahim

PENYERANG PENYERANG GRAFIK
Ahmad Rudi Haron

PENYERANG EKSEKUTIF
Rosdi Ismail

WARTAWAN
Rusmita Pecheh

WARTAWAN
Norhidayah Che Din

WARTAWAN
Faizatul Farhana Farush

WARTAWAN
Ahmed Zulkifli Yahaya

WARTAWAN
Khairul Anuar Md Nor (Yon)

WARTAWAN
TEL: 330226787

WARTAWAN
TEL: 330226787

WARTAWAN
FAX: 03 2056 9081

WARTAWAN
WALAH BERITA, Kuala Lumpur

WARTAWAN
Nafisa Afendi, Faza Yasrah

WARTAWAN
Unit Pendidikan

WARTAWAN
Unit Pendidikan NSTP

WARTAWAN
31, Jalan Riong,

WARTAWAN
59100 Kuala Lumpur

E-mel atau surat ke alamat:
bhdididkpbh.com.my atau Unit Pendidikan Berita Harian, Balai Berita, 31 Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur.

○ Dari muka 1

Terbaru, acara itu menganjurkan Komunikasi Secara Langsung bersama-sama Angkasawan Luca Parmitano di Stesen Angkasa Lepas Antarabangsa (ISS) pada 9 Oktober lalu, bertempat di Planetarium Negara, di sini.

Acara berkenaan memberi peluang kepada 20 orang murid Sekolah Kebangsaan (SK) Seri Suria, Puchong bertanya soalan masing-masing kepada angkasawan dari Agensi Angkasa Eropah (ESA) itu, menggunakan radio amatir.

Kehidupan di angkasa lepas

Pengarah Pendidikan Sains Angkasa Planetarium Negara, Puan Azreena Ahmad, berkata sepanjang komunikasi selama 11 minit itu, Luca menjawab setiap persoalan dikemukakan berhubung pengalaman dan kehidupannya di angkasa lepas.

"Walaupun komunikasi hanya dalam tempoh singkat, tetapi memberi pengalaman menyeronokkan kepada murid dan mereka amat teruja dengan peluang yang diberi.

"Kami membuat permohonan untuk acara ini sejak dua tahun lalu, justeru peluang berkomunikasi tanpa rintangan frekuensi cukup membanggakan dan amat bermakna.


"Ini sebahagian usaha kami untuk memberi pendedahan kepada masyarakat berhubung keistimewaan angkasa lepas dan menggalakkan minat generasi muda, selain menambah tenaga mahir dalam bidang berkaitan," katanya.

Sesi komunikasi dari sis-

tem radio amatir itu diuruskan Pengendali Satelit Stesen Bumi, Encik Sangat Singh dan Pengendali Bersama, Encik Sion Chow QC.

Antara soalan dikemukakan dalam komunikasi itu seperti 'adakah anda dapat melihat bintang pada waktu siang', 'adakah anda berpeleuh sepanjang berada di angkasa lepas' dan 'adakah anda menjalankan kajian di angkasa lepas'.

Soalan lain ialah 'sejauh mana anda perlu berger-



“UMPAMA 'MIMPI MENJADI KENYATAAN' KERANA SEJAK KECIL, SAYA MENYIMPAN KEINGINAN BERCAKAP DENGAN ANGKASAWAN DAN MENCEBURI KERJAYA SEBAGAI AHLI ASTRONOMI”

Yajnish Bhonsle

ak bagi mengatasi graviti', 'adakah anda boleh melihat satelit lain dari ISS' serta 'berapa kerap anda dapat berhubung dengan keluarga ketika di angkasa lepas'.

Memori cukup berharga

Sofhie Aiin Nabila Qummarulzamman, 10, menyifatkan pengalaman berhubung dengan angkasawan berbangsa Itali itu sebagai memori cukup berharga.

"Saya rasa sangat seronok, teruja dan bertuah terpilih untuk acara ini, tambahan pula menjadi murid pertama bertanya soalan kepada Luca pada sesi komunikasi

itu," katanya.

Yajnish Bhonsle, 10, berkata pengalaman diperolehnya umpama 'mimpi menjadi kenyataan' kerana tidak pernah menyangka impian untuk berhubung dengan angkasawan tercapai.

"Sejak kecil, saya menyimpan keinginan bercakap dengan angkasawan dan menceburi kerjaya sebagai ahli astronomi untuk ke angkasa lepas melihat planet secara langsung, jadi peluang diberikan Agensi Angkasa Negara ini sudah merealisasikan satu daripada impian saya," katanya.



“SAYA RASA TERUJA DAN BERTUAH TERPILIH UNTUK ACARA INI, TAMBAHAN PULA MENJADI MURID PERTAMA BERTANYA SOALAN KEPADA LUCA PADA SESI KOMUNIKASI ITU”

Sofhie Aiin Nabila Qummarulzamman



Luca Parmitano ketika bertugas di Stesen Angkasa Lepas Antarabangsa (ISS).

Biodiversity integral to reducing poverty

CRITICAL NEED: Weaving it into development goals can bring about major change

THE world is slowly moving to what many hope to be a new universal agenda on development, an agenda that will be even more successful than the Millennium Development Goals (MDGs), which have been the driving force behind reducing poverty faster than at any other time in human history.

But if a universal agenda is to be adopted, it must be comprehensive while, at the same time, practical and must also build on the lessons learned from the MDGs. This will be no easy feat and it will pre-occupy the governments at the United Nations General Assembly for the next few years.

While some goals will be obvious, because they will be trying to complete the unfinished work of the MDGs, such as access to sanitation and health services and primary school education, others will be much more complicated. Biodiversity is one of the most complicated, but also one of the most critical to overall human wellbeing.

We need to reduce CO₂ emissions before climate change is completely out of control and the cost of cleaning up exceeds those of avoiding the problems to begin with or irreversible. But understanding the critical need to conserve biodiversity is not so straightforward, despite biodiversity being at the fulcrum of human life.

Biodiversity provides the building blocks for human life. On the most fundamental level, it provides food, fibre, fuel, medicinal plants and renewable natural resources for human development. Biodiversity is an essential service provider, giving us natural filtration for clean water, carbon storage and oxygen production. It regulates pests and diseases and the whole pollination cycle that ensures life is created and recreated. But this can only happen when biodiverse ecosystems function well. The poorest people around the world, those that the new Post-2015 Development Agenda wants to help above all, are the most dependent on biodiversity for their livelihoods.

But as biodiversity is integral to all human wellbeing and development, how are we to capture a



Poverty can be reduced by inculcating biodiversity in the universal agenda. Reuters pic



Zakri Abdul Hamid is Chair of the Intergovernmental Science-Policy Platform on Biodiversity and Ecosystem Services and W. Bradnee Chambers is the Executive Secretary of the UN Environment Programme's Convention on Migratory Species

single goal that will ensure its continued existence as a building block of life? Some say that this is impossible and such a target would be intangible and too broad.

A better approach would be to weave biodiversity into development goals, such as those related to poverty reduction, access to clean water and sanitation, food security and human health. This camp argues that there would

be too many environmental issues wrapped up into one new universal agenda that must remain practical, attainable and measurable without being diluted.

We need to do both. We need to ensure that we understand the value of biodiversity in delivering other critical goals and monitor and track its role with clear indicators, but we also need a single goal to serve as an incentive for action and raise badly needed financial resources to support the sustainable use and conservation of biodiversity.

→ Turn to Page 17

Biodiversity has a place in new world agenda

→ From Page 15

Given that biodiversity underpins all of human wellbeing, we must not lose track of its importance, despite the paradox that when something is everything, it is also nothing. In other words, when it comes to the conservation and sustainable use of biodiversity, if we do not have a specific goal, then we will not be able to set the right conditions and priorities to achieve it. UN secretary-general Ban Ki-moon's blue ribbon panel

chaired by the heads of state of Indonesia, Liberia and the United Kingdom got it right. Their report recommends a specific goal: to "safeguard ecosystems and, species and genetic diversity". Let us hope that this recommendation will survive the political wrangling that inevitably happens in the General Assembly when trying to balance the interests of development with the environment and social welfare.

This week, Prime Minister Datuk Seri Najib Razak will preside over a

high-level panel that is meeting in Kuala Lumpur, bringing together top policymakers and experts from around the world. They will discuss the role of biodiversity and the Post-2015 Agenda and how to devise a way forward of understanding the capacities that are required to enable developing countries to conserve and use biodiversity and ensure it remains the provider of essential services for generations to come.

Like most things in life, biodi-

versity is complicated, but the fact that it is complicated should not deter us from trying to give it a simpler label and place it in the new universal agenda for the world.

No country could be more apt for this event to take place than Malaysia, one of the most biodiverse places on the face of this planet and a country which has demonstrated that it can carry out development in a sustainable manner.



PRK Sungai Limau: 17 Pusat Mengundi Dibuka 8 Pagi Ini

YAN, 4 Nov (Bernama) -- Sebanyak 17 pusat mengundi di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Limau dibuka bermula pukul 8 pagi Isnin bagi membolehkan 27,222 pemilih berdaftar melaksanakan tanggungjawab mereka dalam pilihan raya kecil DUN itu.

Pusat-pusat mengundi itu ialah Sekolah Kebangsaan (SK) Permatang Buloh; SK Sungai Dedap; Sekolah Menengah Agama Nahdzah; SK Bukit Besar; SK Simpang Tiga Sungai Daun; Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Aik Min; SK Haji Kassim Jasin; SK Sungai Daun Tengah; SK Sungai Limau; Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sungai Limau.

SK Sungai Kering; SK Ulu Sedaka; SMK Batu 17, Padang Lumat; SK Padang Lumat; SJKC Pei Hwa Batu 17, Gurun; SK Dulang dan SMK Dulang.

Semua pusat pengundian akan ditutup pada 5 petang ini dan pengiraan undi dijangka bermula 6 petang di pusat penjumlahan undi di Dewan Lukman Al-Hakim, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Yan di sini.

Pilihan raya kecil ini menyaksikan pertembungan antara calon Barisan Nasional (BN) Dr Ahmad Sohaimi Lazim dan calon PAS Mohd Azam Abdul Samat.

Kerusi DUN Sungai Limau kosong berikutan kematian Tan Sri Azizan Abdul Razak yang merupakan wakil rakyat kawasan itu sejak 1995.

Dalam pilihan raya umum ke-13 (PRU13) Mei lepas, Azizan menang dengan majoriti 2,774 undi dalam pertandingan empat penjuru.

Setiausaha Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Datuk Abdul Ghani Salleh dilapor berkata lebih 90 peratus pengundi dijangka keluar mengundi hari ini, berbanding 89 peratus pada PRU13.

Beliau berkata kadar peratusan yang positif itu berdasarkan kepada semangat yang dilihat sepanjang tempoh berkempen yang berkonsepkan kekeluargaan.

SPR juga menjangkakan keputusan pilihan raya kecil itu dapat diketahui selewat-lewatnya 10 malam ini.

Sementara itu, [Jabatan Meteorologi Malaysia](#) meramalkan tiada hujan di sebelah pagi namun ribut petir dijangka berlaku pada sebelah petang.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 11
TARIKH : 04 NOVEMBER 2013 (ISNIN)

**Ribut petir
diramal
petang**

YAN 3 Nov. - Jabatan Meteorologi Malaysia meramalkan tiada hujan di sebelah pagi pada hari pengundian bagi Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Limau esok.

Bagaimanapun, ribut petir diramalkan pada sebelah petang, kata jurucakap jabatan itu ketika dihubungi Bernama hari ini.

PRK DUN Sungai Limau menyaksikan pertandingan satu lawan satu antara calon Barisan Nasional (BN) Dr. Ahmad Sohaimi Lazim, 52, dan calon PAS Mohd. Azam Abdul Samat, 37.

Menurut Setiausaha Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Datuk Abdul Ghani Salleh, lebih 90 peratus daripada 27,222 pengundi berdaftar bagi PRK DUN Sungai Limau dijangka keluar mengundi esok berbanding 89 peratus pada Pilihan Raya Umum ke-13 pada Mei lalu.

Beliau berkata kadar peratusan yang positif itu berdasarkan kepada semangat yang dilihat sepanjang tempoh berkempen yang berkonsepkan kekeluargaan. - BERNAMA

Rainy season breeds trouble

Public urged to keep surroundings free of stagnant water

By QISHIN TARIQ
qishin.tariq@thestar.com.my

PETALING JAYA: If predictions by meteorologists that Malaysia will be lashed by bouts of heavy rain in the coming weeks come true, then what is certain to follow is the creation of many mosquito breeding grounds, especially for the dengue virus-bearing *Aedes*.

The Meteorological Department announced on its website that the northeast monsoon, which had started and would last until March next year, will bring along four to

five episodes of widespread heavy rain that may continue for three to seven days.

Petaling Jaya City Council (MBPJ) health director Dr Chitradavi Vadivellu said that the rainy days followed by hot and humid weather would allow mosquitoes to thrive.

"We can't just blame the rain though, as the public must do its part by keeping their surroundings free of stagnant water," she said.

Aedes can lay eggs in patches of water as small as a fifty sen coin, and their life cycle can be as short

as eight days.

The eggs can withstand dry periods of a few months, making *Aedes* eradication a difficult task.

To that effect, local councils will be using Communication for Behavioural Impact (Combi) teams to educate residents on the importance of keeping their areas free of breeding sites.

"The council will also send teams to search and destroy breeding sites at locations that are confirmed to be dengue hotspots," said Dr Chitradavi, who also attributed the high number of dengue cases to the

fact that some unrelated fever cases were also be mistakenly diagnosed as dengue.

The Health Ministry recorded the highest number of dengue cases in a single week this year with 1,680 cases recorded from Oct 20 to 26, with Selangor having the largest increase at 1,142 cases, up by 272 cases from the previous week.

From Jan 1 to Oct 26, a total of 28,707 cases were recorded, which represents a 58% increase compared to the corresponding period last year.

Good weather expected today

YAN: The weather is forecast to be fair in the morning in Sungai Limau here today.

However, thunderstorms were expected in the afternoon, a Malaysian Meteorological Department spokesman said yesterday.

Today, 27,222 registered voters in Sungai

Limau will vote for either Barisan Nasional candidate Dr Ahmad Sohaimi Lazim or Pas candidate Mohd Azam Abdul Samat.

According to Election Commission secretary Datuk Abdul Ghani Salleh, voter turnout is expected to be above 90 per cent. **Bernama**

Committee to attend Lynas stockholders' meeting

SEVERAL "Stop Lynas, Save Malaysia (SMSL)" committee members will be attending the company's general stockholders' meeting in Australia scheduled for Nov 29.

According to SMSL chairman Tan Bun Teet, eight members will represent the committee to appeal to Lynas to stop its operations in Pahang.

"Lynas has been able to operate in Malaysia because it has strong support from the Malaysian government," Tan said.

"We must deal them one hard blow outside Malaysia by explaining the side-effects of the project to their stockholders.

"By doing this, I believe the company's stockholders will

reconsider their decision. The company will then be forced to stop its operation following the withdrawal of capital."

The movement will also be organing a forum to explain the importance of building a nation free from public nuisances.

It will be held at Mandarin Court Hotel on Nov 24.